

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK IGNATIUS DORELL LEIKING  
(PENAMPANG)**

**TARIKH : 18 NOVEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK IGNATIUS DARELL LEIKING [ PENAMPANG ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status cadangan Kerajaan Perikatan Nasional yang akan memberikan dokumen IMM13 kepada warga asing yang memegang Kad Burung-Burung dan Kad Banci yang bukan merupakan pelarian perang

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Mohon izin supaya soalan daripada YB Penampang ini dijawab bersekali dengan soalan bukan jawab lisan daripada YB Sepanggar dan soalan bertarikh 24 November 2020 daripada YB Sandakan memandangkan semua soalan yang diutarakan menyentuh isu yang sama iaitu pengurusan pendatang dan warga asing di Sabah.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Jawatankuasa Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS) telah ditubuhkan oleh Kerajaan susulan daripada syor Suruhanjaya Siasatan Diraja (*Royal Commission of Inquiry* - RCI) Mengenai Pendatang Asing di Sabah bertujuan untuk mengkaji dan membincangkan isu berkaitan pendatang dan orang asing di Sabah. Sehubungan itu, Kementerian sedang mengkaji cadangan

## SOALAN NO : 25

penggunaan Pas IMM13 bagi menggantikan dokumen-dokumen sedia ada seperti Kad Burung-Burung dan Sijil Banci di Sabah secara teliti dan berhati-hati dengan penglibatan Kerajaan Negeri Sabah melalui JKPWAS.

Komposisi JKPWAS yang merangkumi JKPWAS Induk yang dipengerusikan secara bersama oleh YB Menteri Dalam Negeri dengan YAB Ketua Menteri Sabah serta JKPWAS Teknikal yang dipengerusikan oleh YB Timbalan Menteri Dalam Negeri adalah merupakan platform terbaik bagi mencari penyelesaian berkenaan pengurusan pendatang dan orang asing di Sabah. Ini adalah kerana keahlian kedua-dua Jawatankuasa tersebut yang merangkumi penglibatan Jabatan/Agensi/Bahagian peringkat Persekutuan dan Negeri seperti Jabatan Ketua Menteri (JKM) Sabah, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Majlis Keselamatan Negara (MKN) serta beberapa Jabatan/Agensi yang lain.

Dengan mengambil kira pembentukan Kerajaan Negeri Sabah yang baharu serta kepentingan keselamatan negara dan negeri Sabah khususnya, cadangan ini akan diperhalusi dan dibincangkan tertakluk kepada hala tuju dan persetujuan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah yang baharu. Ini bagi memastikan setiap usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan dapat diterima dan difahami oleh semua pihak yang berkepentingan serta mengelakkan daripada isu pendatang dan warga asing terus membelenggu pembangunan ekonomi dan sosial di negeri Sabah.